

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PIBB DEPOSIT BERTEMPOH-i SELAMA 7 BULAN DAN 13 BULAN”

Kempen “PIBB Deposit Bertempoh-i selama 7 Bulan dan 13 Bulan” (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 197301001433 (14328-V)] (“PIBB”). Terma dan syarat yang berikut (“Terma dan Syarat”) akan mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 April 2025 hingga 30 Jun 2025** [termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau tarikh lain yang ditentukan oleh PIBB (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PIBB dan Public Bank Berhad (“PBB”) di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Peserta yang berikut layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini (Peserta yang Layak):
 - a) semua pelanggan individu PIBB berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada waktu penyertaan termasuk bukan pemastautin, kakitangan tetap dan kontrak PIBB, PBB dan Public Investment Bank Berhad.

Bagi akaun yang dibuka bagi pihak kanak-kanak oleh ibu atau bapa/penjaga, Peserta yang Layak adalah ibu atau bapa/penjaga akaun tersebut seperti yang dinyatakan dalam rekod PIBB dan/atau PBB; atau
 - b) pelanggan bukan individu PIBB dan PBB iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab dan pertubuhan.
- 2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) orang yang tidak waras;
 - b) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
 - c) Orang yang akaunnya dipegang oleh PIBB atau PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PIBB atau PBB.

3. Mekanisme Kempen

- 3.1 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak untuk mendapat kadar keuntungan promosi untuk peletakan deposit mereka di bawah Deposit Bertempoh-i* (“DB-i”) dengan syarat mereka meletakkan deposit minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) bagi setiap Resit DB-i (“Resit”):

Untuk tempoh kempen dari 1 April 2025 hingga 13 April 2025:

Tempoh	Kadar Keuntungan Promosi (% setahun)
7 Bulan	3.70
13 Bulan	3.35

Untuk tempoh kempen dari 14 April 2025 hingga 30 Jun 2025:

Tempoh	Kadar Keuntungan Promosi (% setahun)
7 Bulan	3.75
13 Bulan	3.35

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 3.2 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan DB-i dalam Resit berganda tertakluk pada yang berikut:

Peserta yang Layak	Peletakan Minimum	Peletakan Maksimum
Pelanggan Individu	RM5,000 setiap Resit	TIADA
Pelanggan Bukan Individu	RM5,000 setiap Resit	RM50,000,000

- 3.3 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PIBB atau PBB (“Akaun”). Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap “dana baharu”.

- 3.4 Peletakan DB-i di bawah Kempen ini hanyalah untuk tempoh 7 Bulan dan 13 Bulan sahaja.
 - 3.5 Kadar keuntungan promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja.
 - 3.6 Apabila matang, peletakan DB-i ini akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 7 Bulan atau 13 Bulan pada kadar kaunter keuntungan semasa PIBB dan keuntungan akan dikreditkan dalam Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i yang ditetapkan milik Peserta yang Layak (“CASA/CASA-i yang Ditetapkan”) apabila matang (untuk peletakan 7 Bulan) atau setiap enam (6) bulan (untuk peletakan 13 Bulan).
 - 3.7 Keuntungan kempen DB-i akan dikreditkan dalam CASA/CASA-i yang Ditetapkan apabila matang (untuk peletakan 7 Bulan) atau setiap enam (6) bulan (untuk peletakan 13 Bulan).
 - 3.8 Keuntungan dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
 - 3.9 **Peletakan deposit di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang tidak layak untuk mendapat apa juga keuntungan. Apa-apa keuntungan yang dikreditkan sebelum pengeluaran sebelum matang akan ditolak daripada amaun pokok sebelum jumlah pokok DB-i itu dikeluarkan kepada Peserta yang Layak.**
- Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan DB-i itu diperbaharui.**
- 3.10 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam DB-i **tidak** dibenarkan.
 - 3.11 Semua arahan bagi pengeluaran dan/atau pelupusan peletakan DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan yang jelas dan tepat secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatanganan dibenarkan yang berkenaan bagi pemegang akaun tersebut. PIBB dan PBB berhak untuk menolak/mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PIBB atau PBB, mengikut keadaannya, berbeza daripada tandatangan contoh yang diberi dalam sistem PIBB atau PBB. Semua pindaan dalam arahan seumpama itu hendaklah disahkan dengan tandatangan dibenarkan seperti mana tandatangan contoh dalam sistem PIBB atau PBB.
 - 3.12 Apa-apa peletakan deposit yang dibuat di bawah Kempen ini tidak akan dicagarkan sebagai jaminan untuk apa-apa overdraf, Kemudahan Tunai-i atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan lain.

- 3.13 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PIBB dan/atau PBB.

4. **Terma dan Syarat Am**

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal DB-i, Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal DB-i, Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengaku dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PIBB atau PBB dan keputusan PIBB atau PBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PIBB atau PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PIBB dan PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat berkaitan dengan kepada DB-i, Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i bagi tujuan Kempen ini.
- 4.4 PIBB atau PBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun bertanggungjawab bagi apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuai melampau atau salah laku sengaja khusus yang berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PIBB atau PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran dan pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PIBB atau PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa penghadan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.

- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 4.8 PIBB berhak untuk menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuh dan sebahagiannya, dengan memberi notis lebih awal kepada Peserta yang Layak melalui laman web PIBB, mempamerkan notis di cawangan PIBB/PBB atau apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh PIBB dari semasa ke semasa.
- 4.9 PIBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau pembatalan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PIBB atau PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.
- 4.10 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Privasi PIBB dan/atau PBB yang menyatakan bagaimana PIBB dan/atau PBB menggunakan maklumat mereka melalui www.publicislamicbank.com.my atau www.pbebank.com atau mana-mana cawangan PIBB dan/atau PBB.

[Ruang Selebihnya Pada Halaman Ini Sengaja Dibiarkan Kosong]

Saya/kami mengesahkan telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang ditetapkan di atas, terutamanya, terma dan syarat yang melibatkan obligasi telah diperjelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil Bank. Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami menerima semua Terma dan Syarat di atas dan saya/kami bersetuju untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan terikat dengannya.

Bertarikh _____ haribulan _____ 20 _____

Untuk Penandatanganan Bukan Individu

Cap Getah Organisasi

Tandatangan Dibenarkan

Pemohon Pertama

Pemohon Kedua

Nama:
No. KP/Pasport:
Tarikh:

Nama:
No. KP/Pasport:
Tarikh:

Pemohon Ketiga

Pemohon Keempat

Nama:
No. KP/Pasport:
Tarikh:

Nama:
No. KP/Pasport:
Tarikh:

Pemohon Kelima

Pemohon Keenam

Nama:
No. KP/Pasport:
Tarikh:

Nama:
No. KP/Pasport:
Tarikh:

Untuk Penandatanganan Individu

Pemegang Akaun Utama
Nama:

No. KP/Pasport:
No. Tel.:

Pemegang Akaun Kedua
Nama:

No. KP/Pasport:
No. Tel.:

Pemegang Akaun Kedua
Nama:

No. KP/Pasport:
No. Tel.:

Pemegang Akaun Kedua
Nama:

No. KP/Pasport:
No. Tel.:

Untuk Kegunaan Bank

No. Akaun DB-i

No. Resit DB-i

Disaksikan dan Dilayani Oleh:

(Tandatangan Pegawai dan Cap Getah)

Tarikh: